

PM: Kit Siang tidak pernah kotakan janji letak jawatan

UM 25 JUL 2001

KUALA LUMPUR 24 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membidas sikap Pengerusi DAP, Lim Kit Siang kerana tidak pernah mengotakan janjinya untuk meletakkan jawatan.

"Yalah, dia, saya fikir berkali-kali dah berkata nak letak jawatan, tetapi nampaknya lain dia kata, lain dia buat," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis penyerahan sijil piawaian kad pintar Proton World International kepada Iris Technologies (M) Sdn. Bhd. dan Jabatan Pendaftaran Negara di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, keengganan Lim itu berpunca daripada tabiatnya yang susah hendak meletak jawatan.

"Kalau tengok sejarah, dia memang ada penyakit tidak

mahu meletak jawatan," tegasnya.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Pemuda dan Sosial DAP Kebangsaan, Teng Chang Khim semalam yang menasihatkan Lim mengundurkan diri daripada barisan kepimpinan DAP menjelang pemilihan pusat parti itu 18 Ogos ini.

Teng berkata, Lim perlu berbuat demikian bagi memberi peluang kepada DAP diterajui oleh generasi pemimpin baru.

Menurut Teng, Lim sepatutnya berundur kerana sudah memegang jawatan tertinggi parti itu sejak 32 tahun lalu termasuk memegang jawatan setiausaha agung dan pengerusi sejak 1969.

Lim sebelum ini pernah menyatakan hasrat melepaskan jawatan setiausaha agung

sejumlah enam kali sejak 1980, iaitu selepas kekalahan DAP dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Kota, Pulau Pinang.

Dua tahun kemudian, beliau sekali lagi berbuat demikian apabila beberapa pemimpin parti itu mengambil keputusan keluar parti.

Beliau juga menyatakan hasrat yang sama pada tahun 1986, 1990 dan 1995 setelah gagal menawan Pulau Pinang yang digerakkan melalui tiga siri projek 'Tanjung.'

Pada tahun 1999, beliau sekali lagi menyatakan hasrat untuk meletakkan jawatan ekoran kekalahan teruk DAP dalam pilihan raya umum pada tahun berkenaan.